

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(A)37**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA  
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

37. Mohon penjelasan daripada pihak JHEAIPP berkaitan isu tanah wakaf Masjid Berapit.
- (a) Bagaimana tindakan pihak JHEAIPP dan MAINPP dalam menyelesaikan isu ini dan adakah dimaklumkan kepada anak kariah?
  - (b) Bagaimana pihak pemaju dengan mudah menukar syarat tanah dan memperolehi kelulusan plan merancang?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

37. Tanah yang menjadi isu adalah Lot 45, Seksyen 2, Bukit Mertajam, Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) berkeluasan 0.214 ac (9321.84 kp). Lot ini adalah pecahan daripada Lot asal iaitu Lot 55, Seksyen 2, Bukit Mertajam. Lot asal telah terpecah akibat pengambilan balik tanah untuk tujuan pembinaan Jalan Berapit menjadikannya dua (2) Lot berasingan iaitu Lot 44 iaitu tanah perkuburan bersebelahan masjid dan Lot 45. Lot 44 ini merupakan baki kepada bahagian tanah perkuburan yang sedia ada yang sedang

digunakan sekarang. Manakala Lot 45 terpisah dengan Jalan Berapit dan tidak digunakan, terbiar dan pernah diceroboh.

- (a) Pihak MAINPP pada tahun 2006 telah mula berbincang dengan pihak Jawatankuasa Kariah mengenai kedudukan tanah tersebut (Lot 45) dan disahkan ianya tidak sesuai digunakan sebagai tanah perkuburan berdasarkan kedudukan, saiz, rupa bentuk tanah dan ketidak sesuaian untuk dijadikan sebagai tanah perkuburan pada masa hadapan. Susulan itu, beberapa kertas cadangan telah dibentangkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri, Mesyuarat Jawatankuasa Aset MAINPP dan Mesyuarat MAINPP bagi maksud mendapatkan pertimbangan untuk melupuskan tanah berkenaan melalui proses istibdal tanah wakaf. Kesemua Mesyuarat Jawatankuasa termasuk Mesyuarat MAINPP telah memberi kelulusan untuk melupuskan tanah Lot 45.
  
- (b) Sehubungan itu, tanah tersebut telah dijual kepada Syarikat Seni Wangsa Sdn Bhd (dulu dikenali sebagai Pansprint Consolidated Sdn. Bhd.) dengan nilai jualan sebanyak RM350,000.00 dan proses pindah milik (Borang 14A) dilaksanakan 13 April 2015. Pihak MAINPP juga memaklumkan

kepada Jawatankuasa Kariah Masjid Berapit berhubung penjualan tanah tersebut dan juga memohon kepada kariah jika terdapat cadangan mencari ganti tanah (istibdal) tersebut. Usaha untuk istibdal tanah ini memerlukan penelitian lanjut untuk mendapatkan tanah yang bersesuaian bagi menjadikannya sebagai tanah perkuburan sebagaimana tujuan asal ianya diwakafkan. Pihak MAINPP telah mengenal pasti beberapa lot cadangan untuk istibdal tanah tersebut berdasarkan kepada perbincangan pihak MAINPP bersama Jawatankuasa Kariah pada 11 Mac 2020. Proses istibdal akan segera dilaksanakan apabila tanah yang bersesuaian bagi tujuan tapak perkuburan (sepertimana tujuan asal wakaf) dimuktamadkan.

- (c) Pertukaran syarat tanah tersebut adalah di luar bidang kuasa MAINPP kerana selepas pindah milik pada 13 April 2005 pemilik baru iaitu Syarikat Seni Wangsa Sdn Bhd mempunyai hak untuk memohon kebenaran untuk menukar syarat tanah dengan Pihak Berkuasa Negeri dan juga Permohonan Kebenaran Merancang dengan Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Bandaraya Seberang Perai).

